

**PERANG ACEH: JIHAD UMAT ISLAM ACEH MENENTANG
PENJAJAHAN BELANDA (1873-1904)**

***THE ACEH WAR: THE JIHAD OF THE ACEHNESE MUSLIMS
AGAINST DUTCH COLONIZATION (1873-1904)***

Muhamad Zharif Baharudin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Izziah Suryani Mat Resad

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Ezad Azraai Jamsari*

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: ezad@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 6 February 2026

Accepted : 5 March 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Baharudin, Z., Mat Resad, I. S. & Jamsari, E. A. (2026). Perang Aceh: Jihad Umat Islam Aceh Menentang Penjajahan Belanda (1873-1904). *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 56-76.

ABSTRAK

Perang Aceh sekitar 1873-1904 merupakan simbol penentangan umat Islam Aceh terhadap penjajahan Belanda, dengan jihad menjadi elemen utama dalam usaha mempertahankan identiti Islam dan kedaulatan wilayah. Konflik ini tidak hanya dilihat sebagai peperangan ketenteraan, malahan sebagai gerakan berasaskan agama yang memperkukuhkan solidariti sosial serta memelihara tradisi tempatan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan jihad, peranan pemimpin Aceh dan ulama serta strategi ketenteraan dalam Perang Aceh. Selain itu, kajian ini turut meneliti implikasi sosial, politik dan ekonomi Aceh terhadap perkembangan gerakan Islam di Indonesia. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber yang meyakinkan. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran

terhadap dokumen dan teks sejarah yang relevan. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa ulama memainkan peranan penting dalam memobilisasi rakyat melalui institusi keagamaan seperti masjid dan madrasah, menjadikan jihad bukan sahaja kewajipan agama, malah tanggungjawab bersama dalam mempertahankan maruah dan kedaulatan umat. Strategi perang gerila, yang memanfaatkan kelebihan geografi Aceh membuktikan kebijaksanaan ketenteraan masyarakat Aceh dalam menghadapi kekuatan teknologi moden tentera Belanda.

Kata Kunci: Perang Aceh; jihad; ulama; strategi ketenteraan; gerakan Islam

ABSTRACT

The Aceh War (1873–1904) stands as a symbol of the Acehnese Muslim resistance against Dutch colonialism, with jihad serving as the central element in the defense of Islamic identity and territorial sovereignty. This conflict was not merely a military confrontation, but also a religiously inspired movement that reinforced social solidarity and safeguarded local traditions. The aim of this study is to analyze the role of jihad, the leadership of Acehnese rulers and scholars (ulama), as well as military strategies during the Aceh War. In addition, it examines the social, political, and economic implications of Aceh for the wider development of Islamic movements in Indonesia. This research employs a qualitative approach, applying a historical research design combined with content analysis. Data collection was conducted through documentation methods, focusing on credible and relevant sources. For data analysis, the study adopts a descriptive approach through internal and external criticism of historical texts and documents. The findings argue that the ulama played a decisive role in mobilizing the people through religious institutions such as mosques and madrasahs, framing jihad not only as a religious obligation but also as a collective duty to safeguard dignity and sovereignty. The adoption of guerrilla warfare, which strategically utilized Aceh's geographical advantages, demonstrated the military ingenuity of the Acehnese in confronting the technological superiority of the Dutch forces.

Keywords: Aceh War; jihad; ulama; military strategy; Islamic movement

1.0 PENGENALAN

Perjuangan anti-kolonialisme di Asia Tenggara bukan hanya sekadar perjuangan fizikal, namun juga cerminan kepada keteguhan jiwa dan daya tahan masyarakat tempatan yang mempertahankan warisan agama, budaya, dan kedaulatan politik mereka. Wilayah ini, yang kaya dengan sejarah dan peradaban, telah menyaksikan pelbagai bentuk perlawanan, menggabungkan semangat keagamaan yang luhur dengan nilai-nilai tradisional yang mengakar dalam masyarakat. Antara faktor utama monumental dalam sejarah perjuangan Perang Aceh (1873-1904), yang menyaksikan umat Islam Aceh bangkit menentang penjajahan Belanda dengan penuh keberanian dan tekad (Purnamasari et al., 2024). Konflik ini bukan sekadar pertembungan senjata, malahan lebih daripada itu, ia merupakan sebuah gerakan

suci yang dipacu oleh prinsip jihad dan komitmen untuk mempertahankan Darul Islam sebuah negara yang berpandukan ajaran Islam (Kurnia et al., 2023).

Kedudukan geografi Aceh yang strategik, terletak di bahagian utara Pulau Sumatera, menjadikannya bukan hanya sebagai pintu masuk Islam ke Nusantara sejak abad ke-7, namun juga sebagai benteng utama penyebaran agama Islam di Asia Tenggara (Miswari, 2024). Sebagai pusat perdagangan penting, Aceh turut menjadi sasaran penjajahan kuasa besar seperti Portugis, Belanda, dan Jepun yang menginginkan kekayaan sumber alamnya dan kedudukannya yang signifikan dalam laluan perdagangan dunia. Namun, ancaman terhadap identiti Islam dan kedaulatan Aceh memunculkan gelombang penentangan yang luar biasa daripada rakyatnya, yang disatukan di bawah semangat jihad dan kepimpinan ulama. Fenomena ini dapat dikesan sejak abad ke-16 dan ke-17 ketika Islam dan politik sangat saling berkaitan di Aceh, yang dicontohi oleh pemerintahan Kesultanan Aceh, yang sangat dipengaruhi oleh prinsip Islam (Kamaruzzaman, 2016).

Perang Aceh lebih daripada sekadar perlawanan ketenteraan, ia adalah sebuah perjuangan berteraskan prinsip agama dan nilai-nilai ketahanan budaya. Ulama memainkan peranan yang sangat penting, tidak hanya sebagai pemimpin rohani, namun sebagai penggerak sosial yang memobilisasi rakyat melalui masjid dan madrasah (Nurbuana et al., 2024). Jihad, dalam konteks ini, bukan hanya kewajiban agama, malah juga suatu tanggungjawab kolektif untuk melindungi maruah dan kedaulatan Islam daripada ancaman luar. Dari perspektif ketenteraan, strategi perang gerila yang digunakan oleh masyarakat Aceh memperlihatkan kebijaksanaan luar biasa dalam mengimbangi ketenteraan Belanda yang jauh lebih maju (Aspinall, 2009). Keberanian dan ketangkasan pejuang Aceh, yang memanfaatkan geografi tempatan yang sukar dijangkau, telah menjadikan mereka lawan yang sukar dikalahkan, walaupun dengan kekuatan teknologi tentera yang lebih unggul.

Walaupun bagaimanapun akhirnya Aceh terpaksa akur kepada kekuatan penjajah, semangat jihad dan perjuangan yang ditanamkan dalam hati rakyatnya terus hidup dan memberi inspirasi. Kekalahan fizikal tidak bermakna kekalahan ideologi, kerana semangat perjuangan Aceh terus menyala dan memberi kesan yang mendalam kepada wilayah-wilayah lain seperti Patani di Thailand dan Mindanao di Filipina yang turut bangkit menentang penjajahan (Purnamasari et al., 2024). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan jihad, kepimpinan ulama, dan strategi ketenteraan dalam Perang Aceh serta meneliti kesan sosial dan politik konflik ini terhadap gerakan Islam di Indonesia. Melalui pendekatan ini, kajian ini berusaha untuk memahami bagaimana Perang Aceh bukan sekadar konflik tempatan, tetapi juga menjadi simbol penentangan terhadap penjajahan di kalangan umat Islam di seluruh dunia

2.0 PENYATAAN MASALAH

Perang Aceh (1873-1904) merupakan manifestasi penentangan umat Islam Aceh terhadap penjajahan Belanda, dengan menonjolkan jihad sebagai elemen teras dalam mempertahankan identiti Islam dan kedaulatan wilayah. Perang ini dilihat bukan sahaja sebagai konflik ketenteraan, malah juga gerakan berasaskan agama yang memperkuat solidariti sosial dan tradisi tempatan. Laffan (2003) menyanggah:

Then, from March 1899, those Acehnese who surrendered were obliged to sign a 'short declaration' (korte verklaring) drafted by Snouck Hurgronje. This was a document pledging obedience to the Dutch throne and its officers... Snouck Hurgronje continued to advocate decisive action against an enemy to be confronted with its own guerrilla tactics, and argued that for Islam ever to accommodate itself with the modern world, the teaching of jihād would have to be abandoned. Circumstances have imposed on the Dutch nation the task of impressing this modern doctrine on the Achehnese. It is no light or enviable task, for the doctrine of jihad has been for centuries more deeply rooted here than in any other part of the archipelago.

Kenyataan ini membuktikan jihad menjadi teras penentangan masyarakat Aceh serta bukan sekadar kewajiban agama secara individu, tetapi turut dianggap sebagai tanggungjawab kolektif untuk mempertahankan Darul Islam, yang melambangkan kedaulatan politik dan agama wilayah tersebut. Peranan ulama dalam perjuangan ini sangat signifikan, khususnya dalam menyatukan rakyat melalui institusi agama seperti masjid dan madrasah. Institusi ini bukan sahaja menjadi pusat rohani, tetapi juga pangkalan strategik untuk memperkukuhkan semangat jihad sebagai teras utama perjuangan. Tambahan pula Setiawan dan Hanafiah (2023) menjelaskan ulama Aceh muncul sebagai pemimpin yang dipercayai oleh masyarakat, menggabungkan kepakaran mereka dalam bidang agama dengan peranan sosial dan politik. Ulama juga tidak hanya menyampaikan seruan keagamaan, malah juga terlibat secara langsung dalam memobilisasi umat, bahkan menjadi panglima perang dalam beberapa pertempuran penting. Seruan berjihad tersebar luas ke seluruh pelosok Aceh, didorong oleh simbol keagamaan seperti Hikayat Perang Sabil yang menekankan pentingnya mempertahankan Islam dan maruah masyarakat Aceh.

Oleh yang demikian, penjajah Belanda menyedari peranan penting ulama dan mengambil langkah-langkah teliti untuk melemahkan pengaruh mereka. Usaha ini termasuk serangan terhadap institusi keagamaan seperti masjid dan madrasah serta manipulasi kepimpinan agama dengan menanamkan imam-imam yang pro penjajah. Walaupun demikian, ulama Aceh tetap berpegang teguh kepada tanggungjawab mereka sebagai pemimpin masyarakat. Pengaruh mereka kekal utuh kerana hubungan mereka dengan institusi dayah yang menjadi asas pendidikan dan perjuangan Islam di Aceh. Implikasi ini menunjukkan bagaimana ulama Aceh bukan sahaja menjadi simbol kepimpinan agama tetapi juga daya tahan sosial dalam menentang penjajahan. Naratif jihad yang diperkuat melalui institusi keagamaan berjaya membentuk solidariti masyarakat Aceh, menjadikan perjuangan mereka bukan sekadar konflik bersenjata tetapi juga usaha mempertahankan identiti Islam yang utuh. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana ulama dan naratif agama memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat perjuangan rakyat Aceh serta meneliti cabaran yang dihadapi oleh institusi keagamaan dalam usaha melemahkan penjajahan Belanda.

3.0 SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini bertujuan meneliti pelbagai kerangka pemikiran tentang Perang Aceh, sama ada ditafsir dari segi geopolitik, jihad berasaskan agama, atau sebagai lambang kebangkitan identiti kolektif rakyat Aceh. Melalui analisis yang mendalam, sorotan ini tidak hanya mengulangi pandangan sedia ada, malah juga menilai secara mendalam, menyaring hujah yang relevan, serta membuka ruang kepada tafsiran yang lebih baharu dan kontekstual.

3.1 Latar Belakang Sejarah Dan Kedudukan Strategik Aceh

Berdasarkan pencarian di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Google Scholar serta beberapa platform jurnal, terdapat kajian penting yang membincangkan latar belakang sejarah dan kedudukan strategik Aceh. Reid (1969) mengupas latar geopolitik Perang Aceh, melibatkan Kesultanan Aceh, Kerajaan Belanda, dan Britain sebagai pihak berkepentingan. Reid menegaskan kedudukan strategik Aceh sebagai kuasa rantau utama telah menarik perhatian penjajah Belanda, sekali gus mencetuskan konflik yang berpanjangan. Dalam pandangan yang berbeza, Kreemer (1922) turut menyelami sejarah, geografi, dan struktur masyarakat Aceh sebelum dan sepanjang kemelut ini berlaku. Buku ini memberikan gambaran mendalam tentang hubungan sosial dan struktur komuniti yang membentuk daya tahan masyarakat Aceh. Dalam konteks ini, Laffan (2003) serta Christine Dobbin (1983) membahaskan identiti Islam yang kuat dalam kalangan rakyat Aceh menjadi tunjang utama gerakan anti-kolonialisme. Menurut mereka, Islam memainkan peranan penting dalam membentuk semangat nasionalisme dan perlawanan terhadap penjajahan.

Di samping itu, terdapat beberapa kajian lain yang turut membincangkan latar belakang sejarah dan kedudukan strategik Aceh. Antaranya adalah Miswari (2024) yang menekankan perkembangan pendidikan Islam di Aceh dari zaman klasik hingga zaman moden. Kajian ini memberikan pandangan mengenai perubahan sosial yang turut mempengaruhi struktur masyarakat Aceh pada zaman penjajahan serta bagaimana perubahan tersebut mempengaruhi kedudukan Aceh dalam konteks geopolitik. Sementara itu, Kaharuddin et al. (2024) menyentuh pengaruh tradisi dan identiti Islam dalam masyarakat Aceh. Penelitian ini menyatakan bagaimana identiti agama memainkan peranan penting dalam pembentukan semangat perlawanan terhadap penjajahan. Pengaruh pendidikan agama dalam membentuk pemikiran masyarakat Aceh juga turut berperanan dalam kedudukan strategik wilayah ini semasa era penjajahan. Hal ni selari dengan catatan Yusuf et al. (2024) yang memberi perspektif terhadap pembangunan ekonomi dan sektor unggulan di Aceh Besar. Walaupun lebih berfokus kepada aspek pembangunan moden, kajian ini tetap relevan dalam memahami potensi wilayah Aceh, yang boleh memperkukuh kedudukan strategiknya dalam arena ekonomi dan sosial.

3.2 Kepimpinan Dan Strategi Perjuangan

Berdasarkan penelitian, terdapat sejumlah kajian yang membincangkan peranan kepimpinan dan strategi perjuangan dalam konteks Perang Aceh (Miller, 2012).

Perbahasan ini secara umumnya memberi tumpuan kepada peranan pemimpin, ulama, dan strategi perjuangan masyarakat Aceh dalam menentang penjajahan Belanda. Di samping itu, Miller (2012) meneliti sumbangan tokoh jihad seperti Teuku Umar dalam mengoordinasi dan memimpin gerakan menentang Belanda. Miller menekankan kepimpinan dan organisasi dalaman masyarakat Aceh adalah faktor utama yang memastikan kesinambungan perjuangan mereka. Dalam kerangka yang lebih luas, ulasan Azra (2004) mengetengahkan peranan ulama dan pemimpin agama dalam menyatukan rakyat Aceh di bawah panji jihad. Ulama memainkan peranan penting sebagai penasihat rohani, yang menggerakkan masyarakat dengan menjadikan jihad sebagai kewajiban agama dan tanggungjawab kolektif. Sementara itu, pandangan Kloos (2017) terhadap justifikasi agama yang diberikan oleh ulama bagi perjuangan bersenjata. Kloos menyimpulkan kepimpinan agama memperkukuhkan tekad masyarakat dengan memberikan justifikasi moral dan rohani untuk menentang penjajah, menjadikan Islam sebagai asas perpaduan masyarakat dalam perlawanan yang panjang.

Selain itu, perspektif yang lebih luas dibincangkan oleh Braithwaite et al. (2021) menyoroti kepimpinan Aceh tidak hanya terhad kepada aspek ketenteraan, tetapi turut membentuk identiti nasional dan semangat kemerdekaan dalam menentang penjajahan. Sehubungan itu, Alfian (1987) juga memberikan pencerahan tentang peranan penting kepimpinan Aceh. Buku ini menerangkan peranan Sultan Mahmud Syah II dalam perlawanan awal menentang Belanda serta bagaimana Sultan Alauddin Muhammad Daud Syah II menjadi simbol ketahanan Aceh walaupun dalam keadaan terdesak. Merujuk kepada perbincangan yang demikian, Anwar (2004) turut membincangkan peranan penting tokoh wanita dalam perjuangan Aceh. Buku ini menyoroti keberanian dan komitmen Cut Nyak Dhien sebagai pemimpin wanita yang meneruskan perjuangan melawan penjajahan Belanda, terutama selepas kematian suaminya, Teuku Umar. Keazaman dan kepimpinannya menjadi inspirasi penting dalam sejarah penentangan Aceh terhadap penjajah. Kajian-kajian ini secara kolektif menunjukkan strategi kepimpinan dan keagamaan memainkan peranan penting dalam perjuangan rakyat Aceh, menjadikan perlawanan mereka sebagai simbol solidariti dan daya tahan masyarakat Islam di rantau ini.

3.3 Jihad Dan Semangat Perlawanan Umat Islam Aceh

Dari aspek jihad, keazaman umat Islam Aceh untuk mempertahankan agama dan kedaulatan negeri mereka menjadikan Perang Aceh sebagai perjuangan yang luar biasa. Alfian (1993) & Rahim et al. (2022) memberi tumpuan kepada peranan jihad sebagai motivasi perjuangan rakyat Aceh serta interaksi budaya tempatan dan Islam dalam membentuk gerakan anti-penjajahan. Dari perspektif lain, Alfian (1987) menekankan Perang Aceh dilihat sebagai 'perang suci' kerana konsep jihad rakyat Aceh menentang penjajahan Belanda. Islam menjadi sumber utama motivasi dan legitimasi perjuangan rakyat Aceh dengan membawa konsep jihad sebagai kewajiban agama dalam mempertahankan kedaulatan negeri mereka. Kupasan Andaya (1969) pula menunjukkan bagaimana budaya dan adat tempatan Aceh berinteraksi dengan pemikiran Islam untuk membentuk teras gerakan penentangan.

Mereka mendapati unsur-unsur budaya dan agama ini saling melengkapi dan memperkuat semangat anti-penjajahan dalam kalangan masyarakat Aceh.

Oleh yang demikian, Rahim et al. (2022) mengulas peranan *Kitab Nasīḥah al-Muslimīn wa Tadhkirat al-Mu'minīn fī Faḍā'il al-Jihād fī Sabīlillāh wa Karamat al-Mujāhidīn fī Sabīlillāh* oleh Syaikh Abdul Samad al-Falimbani dalam menyemarakkan semangat jihad di Aceh. Selain itu, Hikayat Perang Sabil atau juga dikenali sebagai *Hikayat Prang Sabi* terdiri daripada naratif keagamaan berbentuk sajak yang disampaikan secara lisan di dayah menyeru umat Islam untuk berjihad menentang penjajahan Belanda dan Portugis, mengukuhkan kedudukan Aceh sebagai pusat kebangkitan Islam dan semangat nasionalisme di Alam Melayu. Dalam konteks ini, Tiro (1984) dan Dijk (2002) memperlihatkan bagaimana Perang Aceh dianggap sebagai usaha untuk memperoleh kedaulatan dan kebebasan daripada penjajahan Belanda. Kedua-dua kajian tersebut memperlihatkan konflik ini sebagai komponen penting dalam perjuangan mencapai kemerdekaan, yang terus dikenang sebagai simbol semangat perlawanan rakyat Aceh.

3.4 Implikasi Jangka Panjang Perang Aceh

Perang Aceh meninggalkan kesan yang mendalam terhadap perkembangan sejarah dan politik di Nusantara, walaupun Belanda akhirnya berjaya menakluki wilayah tersebut. Ricklefs (1993) dan Aspinall (2009) menyatakan meskipun Belanda memperoleh kemenangan, Perang Aceh telah memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat Indonesia. Semangat jihad yang tercetus sepanjang konflik ini memperkuat gerakan anti-kolonial, yang akhirnya menjadi faktor utama dalam mencapai kemerdekaan Indonesia. Begitu juga, Kahin (1952) mengemukakan transformasi ketenteraan yang berlaku selepas penghapusan Kor Janissari dalam Kerajaan Uthmaniyyah turut memberi impak kepada kebangkitan semangat jihad di kalangan umat Islam di Nusantara, termasuk Aceh serta memberi dorongan kepada gerakan nasionalis menentang penjajahan Belanda.

Sebagaimana yang ditekankan oleh Matheson dan Hooker (1988) menghujahkan kesusasteraan Jawi berperanan penting dalam memperkuat gerakan Islam di Patani dan sekitarnya. Selain menjadi medium penyebaran ajaran Islam, karya sastera Jawi turut berfungsi sebagai wadah yang membangkitkan semangat jihad di seluruh Nusantara, termasuk di Aceh, yang giat menentang penjajahan Belanda. Oleh yang demikian, Fakhriati (2015) menyatakan semangat jihad dalam masyarakat Aceh tidak pernah padam walaupun selepas penaklukan Belanda. Semangat tersebut terus hidup dan menjadi inspirasi bagi gerakan-gerakan nasionalisme yang seterusnya memperkuat solidariti umat Islam di Nusantara dalam menentang penjajahan. Manakala, perspektif yang dikemukakan oleh Saribunga dan Hasaruddin (2024) menyimpulkan perjuangan Aceh telah menjadi simbol keteguhan umat Islam dalam menghadapi penjajahan. Semangat perjuangan ini bukan sahaja terhad kepada Aceh, tetapi turut menyemarakkan semangat nasionalisme di seluruh Nusantara. Perjuangan ini akhirnya menjadi pemangkin kepada kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945, meninggalkan legasi yang berterusan dalam sejarah perjuangan anti-kolonial di Asia Tenggara.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen sebagai kaedah utama pengumpulan dan penganalisan data. Sumber terdiri daripada bahan primer dan sekunder seperti buku, artikel jurnal serta dokumen sejarah berkaitan Perang Aceh yang merangkumi tulisan tokoh, naratif jihad, kepimpinan ulama, dan strategi ketenteraan. Diari 'The Price of Freedom: The Unfinished Diary of Tengku Hasan di Tiro' (1984) dijadikan sumber primer yang penting kerana mengandungi catatan peribadi tentang perjuangan kemerdekaan Aceh dari tahun 1976 hingga 1979, termasuk peristiwa pengisytiharan kemerdekaan pada tanggal 4 Disember 1976. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema utama seperti ideologi jihad, pengaruh institusi keagamaan, dan naratif perjuangan, manakala analisis kandungan digunakan bagi meneliti kekerapan istilah berkaitan jihad dan ketenteraan dalam teks. Kajian ini turut menerapkan analisis perbandingan bagi memahami pelbagai tafsiran terhadap Perang Aceh, seterusnya merumuskan peranan agama, kepimpinan, dan strategi dalam penentangan terhadap penjajahan Belanda.

5.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menumpukan perhatian terhadap faktor-faktor utama yang membentuk dinamika perjuangan Aceh menentang penjajahan Belanda. Perbincangan akan dilihat dari sudut agama, kepimpinan, strategi dan struktur sosial bagi menyingkap bagaimana elemen-elemen tersebut berfungsi sebagai daya penggerak dalam mengekalkan kesinambungan perjuangan dalam perang Aceh (1873-1904).

5.1 Pengaruh Agama Islam Sebagai Penyatu Dalam Perjuangan Jihad Aceh

Jihad dalam Perang Aceh merupakan satu elemen penting yang mencerminkan semangat kolektif masyarakat Aceh untuk mempertahankan agama, tanah air, dan identiti mereka daripada ancaman penjajahan Belanda. Kupasan Azra (2004) menunjukkan ulama Aceh memainkan peranan yang signifikan sebagai pemimpin rohani dan sosial yang mempengaruhi masyarakat dengan seruan agama untuk mempertahankan tanah air mereka. Peranan ulama dalam membangkitkan semangat jihad di kalangan masyarakat Aceh sangat jelas, dengan mereka menjadi penggerak utama dalam mobilisasi rakyat untuk menentang penjajahan. Kloos (2017) turut menyatakan ulama memainkan peranan penting dalam memperkukuh tekad masyarakat dengan justifikasi agama, menjadikan jihad sebagai perjuangan suci. Fenomena ini jelas tergambar melalui penglibatan tokoh ulama Teungku Chik di Tiro, yang menyemarakkan semangat jihad dengan menjadikan agama Islam sebagai asas perjuangan. Selain itu, agama Islam berfungsi sebagai penyatu dalam masyarakat Aceh, menguatkan semangat kolektif dalam menghadapi penjajahan. Seperti yang digambarkan dalam novel *Pejuang-pejuang Kali Pepe (PpKP)*, agama Islam memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat pesantren Gedangan untuk melawan penjajahan Belanda. Ulama seperti Kiyahi Mukmin memimpin perjuangan dengan narasi jihad dan syahid, memperkukuh semangat kolektif masyarakat. Pesantren berfungsi sebagai pusat pendidikan agama yang turut menyemai semangat perlawanan, menyatukan pelbagai golongan masyarakat

melalui identiti kolektif Islam (Kaharuddin et al., 2024). Narasi agama ini menjadikan perjuangan lebih teratur dan menyeluruh, seperti yang dijelaskan oleh Nabilah (2021).

Penubuhan masjid dan madrasah di Aceh ketika Perang Aceh 1873-1912 juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menyatukan masyarakat dalam melawan penjajahan Belanda. Masjid menjadi tempat perancangan strategi dan penyebaran semangat jihad, manakala madrasah berfungsi sebagai institusi pendidikan agama yang mengajarkan generasi muda mengenai kewajiban berjihad. Ulama seperti Teuku Umar dan Cut Nyak Dhien menggunakan masjid sebagai pusat penggerak perjuangan, menyebarkan narasi agama yang memperkukuh semangat kolektif masyarakat Aceh. Dengan sokongan dari pusat-pusat keagamaan ini, perjuangan mereka menjadi lebih teratur dan berkesan (Setiawan & Hanfiah, 2021). Pendekatan analitik yang boleh digunakan untuk analisis ini adalah teori perjuangan sosial dan kerangka agama. Jihad dalam konteks ini bukan hanya dilihat sebagai satu perjuangan agama tetapi juga sebagai perjuangan sosial yang berakar umbi dalam budaya dan identiti masyarakat Aceh. Andaya (1993) dan Siegel (1969) menunjukkan budaya dan adat tempatan Aceh berintegrasi dengan ajaran Islam, membentuk asas perlawanan yang kukuh dan menyatukan masyarakat dalam perjuangan yang sama. Teori agama juga relevan, kerana perjuangan ini dilihat melalui kerangka agama yang menekankan jihad sebagai satu bentuk ibadah yang memberikan ganjaran moral dan spiritual, seperti yang dijelaskan dalam Nasihah Muslimin dan Hikayat Perang Sabil (Rahim et al., 2022).

Semangat jihad dalam masyarakat Aceh bukan sahaja melibatkan ulama tetapi juga masyarakat awam yang berperanan aktif dalam perjuangan ini. Ini menunjukkan jihad adalah penentangan kolektif yang merangkumi seluruh lapisan sosial, dari golongan elit hingga rakyat biasa. Dari dimensi politik, penentangan terhadap penjajahan Belanda dilihat sebagai usaha untuk mempertahankan kedaulatan politik Aceh dan statusnya sebagai Darul Islam, yang bermaksud wilayah yang dikuasai oleh undang-undang Islam. Dari perspektif ekonomi, walaupun tidak diterangkan secara langsung dalam analisis ini, perjuangan tersebut sering kali berkait rapat dengan usaha mempertahankan tanah dan sumber ekonomi Aceh daripada ancaman luar (Yusuf et al., 2024). Akhirnya, dalam dimensi budaya, konsep Darul Islam dan Perang Sabil memainkan peranan penting dalam mengukuhkan identiti Aceh sebagai wilayah yang berpegang teguh pada ajaran Islam, memberi justifikasi moral untuk menentang penjajahan. Dengan pendekatan ini, analisis peranan jihad dalam penentangan umat Islam Aceh menjadi lebih mendalam dan melibatkan pelbagai perspektif yang menjelaskan bagaimana jihad bukan hanya perjuangan agama tetapi juga satu usaha sosial, politik, dan budaya yang kompleks.

5.2 Peranan Pemimpin Dalam Ketenteraan Aceh

Peranan pemimpin dalam perjuangan menentang penjajah di Aceh amat teliti dalam mengekalkan semangat juang rakyat dan mempertahankan kedaulatan kerajaan Aceh. Sultan Mahmud Syah II memainkan peranan penting dalam perlawanan awal menentang Belanda. Sebagai pemimpin yang strategik, baginda menggunakan pendekatan diplomasi dan ketenteraan untuk menghalang kemaraan penjajah.

Meskipun menghadapi cabaran besar daripada serangan Belanda yang lebih maju dan tekanan politik dalaman, usaha baginda menunjukkan kesungguhan mempertahankan Aceh dalam situasi genting. Sementara itu, Sultan Alauddin Muhammad Daud Syah II pula menjadi simbol ketahanan dan harapan rakyat Aceh walaupun dalam keadaan serba kekurangan. Dalam era pemerintahannya, Belanda mempergiatkan usaha penjajahan melalui serangan ketenteraan dan diplomasi (Alfian, 1987). Walaupun ditekan dari pelbagai sudut, beliau tetap teguh memimpin rakyatnya, menjadi lambang semangat perjuangan yang tidak mengenal erti putus asa. Ketahanan beliau memberi inspirasi kepada rakyat Aceh untuk terus berjuang dalam menghadapi ancaman penjajahan.

Dalam konteks yang berbeza, Cut Nyak Dhien tampil sebagai pemimpin wanita yang berani dan berjiwa kental. Selepas kehilangan suaminya, Teuku Umar, yang gugur dalam perjuangan, beliau mengambil alih tanggungjawab untuk meneruskan penentangan terhadap Belanda (Anwar, 2004). Dengan tekad yang tidak luntur, beliau memimpin gerakan-gerakan gerila yang efektif untuk melemahkan kekuatan penjajah. Keberanian dan kebijaksanaannya menjadikan beliau lambang kekuatan wanita Aceh, memberikan motivasi kepada rakyat untuk tidak menyerah meskipun menghadapi cabaran yang besar. Keseluruhannya, setiap pemimpin ini memainkan peranan penting dalam usaha mempertahankan Aceh daripada penjajahan. Sultan Mahmud Syah II memulakan langkah awal perlawanan, Sultan Alauddin Muhammad Daud Syah II menjadi simbol daya juang dan ketahanan, manakala Cut Nyak Dhien melengkapkan naratif perjuangan dengan keberanian luar biasa sebagai pemimpin wanita. Peranan mereka mencerminkan semangat juang yang tidak pernah pudar, sekali gus menjadi teladan penting dalam sejarah perjuangan rakyat Aceh menentang penjajah.

5.3 Strategi Ketenteraan Pejuang Aceh

Pejuang Aceh berjaya mengimbangi kelebihan teknologi ketenteraan Belanda dengan menggunakan strategi ketenteraan yang teliti dan berkesan, meskipun Belanda memiliki kekuatan yang lebih besar dalam aspek teknologi. Satu aspek penting yang perlu diberi perhatian mengenai taktik perang gerila, di mana Teuku Umar memanfaatkan pengetahuan tempatan dengan menggunakan kawasan hutan dan pergunungan sebagai tempat perlindungan serta melancarkan serangan mengejut terhadap tentera Belanda. Menurut Miller (2018), strategi ini memanfaatkan kelebihan geografi tempatan, sekali gus menyukarkan Belanda untuk mengawal wilayah Aceh.

Sebagai lanjutan dari itu, penggunaan kubu dan benteng juga memainkan peranan penting dalam strategi pertahanan Aceh. Kubu-kubu ini berfungsi sebagai pusat pertahanan yang sukar ditembusi serta simbol ketahanan. Braithwaite et al. (2021) mengulas kubu-kubu tersebut memperkukuh usaha pejuang Aceh dalam mempertahankan wilayah mereka, yang membolehkan kelangsungan perlawanan terhadap Belanda. Taktik serangan mengejut juga digunakan untuk melemahkan Belanda dari segi logistik. Pejuang Aceh menyerang konvoi tentera Belanda, menyebabkan kesukaran dalam pengangkutan bekalan dan memperlambatkan operasi ketenteraan Belanda.

Sementara itu, hubungan diplomatik Aceh dengan kuasa besar dan negara jiran juga penting dalam memastikan sokongan luar. Aceh menjalin hubungan erat dengan Kesultanan Uthmaniyyah pada abad ke-16 dan 17, bertujuan mendapatkan bantuan ketenteraan dan sokongan moral untuk mempertahankan Darul Islam (Azra, 2004). Selain itu, Aceh juga berusaha memperkukuh kedudukan politik dan perdagangan dengan Kesultanan Johor dan negara-negara sekitar Selat Melaka (Andaya, 1993). Secara keseluruhannya, pejuang Aceh menggunakan pelbagai taktik ketenteraan, bersama sokongan diplomatik, untuk mengimbangi kekuatan Belanda yang lebih maju dari segi teknologi, dan ini mencerminkan strategi yang berjaya dalam menghadapi penjajahan.

5.4 Kekuatan Dan Kelemahan Tentera Belanda

Teknologi ketenteraan Belanda yang canggih memberikan mereka kelebihan ketara dalam Perang Aceh. Mereka dilengkapi dengan artileri berat, senjata api moden, dan sokongan tentera laut yang mantap, yang menjadikan mereka kuasa dominasi asing utama pada zamannya (Kahin, 1952). Dengan keupayaan logistik yang besar, Belanda mampu menjalankan operasi berskala besar, terutama di kawasan pantai yang strategik. Tambahan pula, mereka menggunakan strategi bumi hangus untuk memutuskan bekalan kepada pejuang Aceh, yang bertujuan melemahkan ekonomi dan sokongan logistik pihak lawan. Strategi ini, pada mulanya, memberi tekanan kepada pejuang Aceh dengan menghalang sumber daya tempatan yang penting. Namun, meskipun memiliki kelebihan teknologi dan logistik, Belanda berdepan dengan pelbagai kelemahan yang membatasi keberkesanan kempen mereka. Sebahagian daripada elemen yang memainkan peranan penting sebagai sifat geografi Aceh yang berbukit-bukau dan dipenuhi hutan lebat, yang menyukarkan pergerakan tentera mereka (Aspinall, 2009). Belanda juga menghadapi kesukaran dalam mengadaptasi taktik mereka kepada perang asimetrik yang dilancarkan oleh pejuang Aceh. Dengan pengetahuan tempatan yang mendalam, pejuang Aceh menggunakan strategi gerila seperti serangan mengejut dan gangguan logistik, yang menyebabkan Belanda mengalami kerugian besar.

Dari dimensi yang berbeza, strategi bumi hangus yang digunakan oleh Belanda semasa kempen kolonial mereka di Aceh mempunyai kesan negatif yang mendalam, dengan ketara merosakkan ekonomi tempatan dan memupuk kebencian yang mendalam dalam kalangan penduduk Acehnes (Rahimi & Hamdi, 2023). Strategi pemusnahan kampung serta kemusnahan infrastruktur pertanian bukan sahaja memaksa pemindahan puluhan ribu penduduk, malah turut mencetuskan apa yang dianggap oleh beberapa penyelidik sebagai bentuk 'pembunuhan beramai-ramai tidak langsung', kerana ia secara sistematik meruntuhkan fabrik alam sekitar dan struktur sosial masyarakat di rantau tersebut (Kreike, 2012). Sebaliknya, pejuang Aceh menunjukkan daya tahan yang luar biasa, didorong oleh semangat jihad Islam, yang menjadi sumber motivasi dan kekuatan moral bagi mereka (Aspinall, 2009). Oleh itu, dapatan ini menunjukkan kelebihan teknologi ketenteraan Belanda tidak dapat mengatasi kelemahan mereka dalam adaptasi strategi, pengurusan moral tentera, dan memahami dinamik konflik asimetrik. Perang Aceh menjadi bukti kelebihan teknologi sahaja tidak mencukupi untuk menjamin kejayaan

dalam konflik yang kompleks dan melibatkan faktor sosial, ekonomi serta semangat perjuangan.

5.5 Kesan Sosial, Politik dan Ekonomi Aceh

Perang Aceh (1873-1912) memberikan kesan jangka panjang yang mendalam terhadap struktur sosial dan politik masyarakat Aceh, yang memberi impak kepada pelbagai aspek kehidupan mereka, dari ekonomi hingga identiti budaya dan agama. Antara faktor utama yang paling jelas daripada Perang Aceh adalah kemerosotan ekonomi yang teruk. Politik bumi hangus yang diamalkan oleh Belanda bertujuan untuk menghancurkan infrastruktur dan sumber ekonomi di Aceh. Ricklefs (1993) menjelaskan strategi ini menyebabkan kemusnahan besar terhadap pertanian, perdagangan, dan sistem ekonomi tradisional di Aceh. Akibatnya, masyarakat Aceh menghadapi kesukaran ekonomi yang berlarutan, dengan banyak sumber pendapatan utama mereka terjejas. Kehilangan hasil pertanian seperti lada, padi, dan sumber daya alam yang lain, menyebabkan pendapatan negara merosot, dan mengakibatkan penurunan taraf hidup rakyat Aceh. Keadaan ini memperburuk lagi kemiskinan, yang turut memberi kesan kepada kestabilan sosial masyarakat selepas perang. Perang Aceh juga membawa perubahan yang besar terhadap struktur politik di wilayah tersebut. Sebelum perang, Aceh merupakan sebuah kerajaan yang dipimpin oleh golongan bangsawan, dengan ulama memainkan peranan yang sangat penting dalam pengambilan keputusan politik dan sosial. Namun, selepas tamatnya perang dan penjajahan Belanda, struktur politik di Aceh mengalami transformasi yang ketara. Kedudukan bangsawan dan ulama sebagai pemimpin sosial dan politik terjejas akibat campur tangan penjajah yang memperkenalkan sistem pentadbiran kolonial. Walau bagaimanapun, Islam terus kekal sebagai asas utama dalam kehidupan masyarakat Aceh, dengan pengaruh agama dalam politik tetap wujud, terutamanya dalam memberi motivasi kepada perlawanan terhadap penjajahan. Meskipun demikian, walaupun Aceh berada di bawah pemerintahan Belanda, struktur sosial yang berasaskan agama terus memainkan peranan penting dalam menjaga identiti dan keutuhan masyarakat Aceh.

Satu komponen signifikan daripada Perang Aceh adalah kesinambungan semangat jihad dalam kalangan masyarakat Aceh. Meskipun Belanda akhirnya berjaya menguasai Aceh dan menjadikannya sebahagian daripada jajahan mereka, semangat jihad tidak padam begitu sahaja. Sebaliknya, ia terus menyemarakkan semangat perlawanan. Fakhriati (2015) menyatakan pengalaman peperangan ini tidak hanya membangkitkan semangat perjuangan di kalangan rakyat Aceh, tetapi juga memberi inspirasi kepada gerakan nasionalisme yang berkembang di seluruh Nusantara. Dengan itu, semangat jihad yang dipupuk sepanjang peperangan bukan sahaja berfungsi untuk mempertahankan agama dan tanah air, tetapi turut membangkitkan semangat kebangsaan yang kemudiannya mempengaruhi perjuangan kemerdekaan Indonesia. Oleh itu, jihad bukan sahaja menjadi simbol ketahanan dan perjuangan rakyat Aceh, malah ia terus menjadi sumber inspirasi dalam melawan penjajahan, walaupun mereka berada di bawah penguasaan Belanda. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan kesan sosial dan politik Perang Aceh membuktikan ketahanan dan perjuangan masyarakat Aceh yang sukar untuk dihapuskan, meskipun mereka menghadapi penjajahan yang berpanjangan.

Kemerosotan ekonomi yang teruk, transformasi dalam struktur politik serta kesinambungan semangat jihad menggambarkan, walaupun Belanda berjaya menguasai Aceh, semangat perlawanan dan identiti masyarakat Aceh tetap utuh (Yusuf et al., 2024). Dalam hal ini, peranan agama dan struktur sosial yang berasaskan Islam memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan keutuhan masyarakat Aceh, walaupun mereka terpaksa menghadapi kesulitan dan perubahan besar akibat penjajahan Belanda.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bab ini mengetengahkan dapatan utama kajian berkaitan Perang Aceh (1873–1904) serta peranan agama, kepemimpinan, dan strategi ketenteraan dalam menentang penjajahan Belanda. Penulisan ini bukan sahaja menghuraikan faktor sejarah yang mempengaruhi dinamika peperangan tersebut, malah turut meneliti dimensi sosial, politik, ekonomi, dan agama yang memberikan makna lebih mendalam terhadap perjuangan masyarakat Aceh menentang penjajahan Belanda.

6.1 Latar Belakang Perang Aceh (1873-1904)

Perang Aceh merupakan konflik paling signifikan dalam sejarah penjajahan di Nusantara (Miswari, 2024). Konflik ini memperlihatkan bagaimana gabungan faktor ekonomi, politik, dan agama mendorong masyarakat Aceh untuk bangkit melawan penjajahan Belanda. Lokasi strategik Aceh di utara Pulau Sumatera, berhampiran Selat Melaka, menjadikannya kawasan yang sangat penting bagi perdagangan antarabangsa. Sejak abad ke-7, Aceh telah menjadi pusat perdagangan utama di Asia Tenggara dan pintu masuk kepada penyebaran Islam ke seluruh Nusantara (Reid, 1969). Kedudukan ini menjadikan Aceh tumpuan penjajah seperti Portugis dan Belanda, yang menginginkan penguasaan terhadap laluan perdagangan dan hasil bumi yang melimpah, terutamanya lada dan rempah-rempah. Namun, kepentingan Aceh tidak hanya terletak pada ekonominya. Aceh juga memainkan peranan sebagai pusat keagamaan yang kukuh, dengan Islam menjadi tunjang utama identiti masyarakatnya. Islam telah bertapak di Aceh sejak abad ke-7 dan berkembang menjadi asas kehidupan sosial dan politik masyarakatnya. Dalam konteks ini, ancaman penjajahan Belanda bukan sahaja dilihat sebagai usaha untuk mengeksploitasi sumber ekonomi tetapi juga serangan terhadap agama, budaya, dan kedaulatan politik Aceh. Oleh itu, masyarakat Aceh melihat perjuangan mereka bukan sekadar konflik bersenjata tetapi juga jihad, iaitu kewajiban agama untuk mempertahankan maruah Islam dan tanah air mereka (Laffan, 2003).

Pada tahun 1871, Perjanjian Sumatera yang ditandatangani antara Belanda dan British memberikan Belanda hak untuk memperluaskan pengaruhnya di Sumatera, termasuk Aceh. Perjanjian ini mencetuskan serangan Belanda ke atas Kesultanan Aceh pada tahun 1873. Dalam serangan awal, Belanda berharap untuk menakluk Aceh dengan cepat. Namun, mereka menghadapi tentangan sengit daripada masyarakat Aceh yang dipimpin oleh Sultan Mahmud Syah II dan tokoh-tokoh seperti Teuku Umar dan Cut Nyak Dhien (Rosihan, 2004). Tentangan ini bukan sahaja bersifat ketenteraan tetapi juga diperkuat dengan semangat jihad, yang memberikan dimensi rohani kepada perjuangan rakyat Aceh (Rahim et al., 2022).

Masyarakat Aceh menggunakan strategi perang gerila yang bijak, memanfaatkan geografi tempatan seperti pergunungan, hutan, dan laluan yang sukar diakses untuk melancarkan serangan mengejut terhadap pasukan Belanda. Taktik ini menyebabkan Belanda menghadapi kesukaran dalam mengawal wilayah Aceh dan memperlahankan kemaraan mereka. Selain itu, masyarakat Aceh turut membina kubu pertahanan yang sukar ditembusi untuk melindungi wilayah mereka daripada serangan (Miller, 2012). Strategi ini menunjukkan kecekapan masyarakat Aceh dalam menyesuaikan diri dengan situasi dan memanfaatkan kelebihan tempatan untuk menangkis serangan penjajah yang lebih lengkap dari segi teknologi ketenteraan.

Tambahan pula, peranan ulama dalam menyemarakkan semangat jihad adalah tidak dapat dinafikan; ulama menjadi tonggak utama dalam gerakan jihad Islam (Rahimi & Hamdi, 2023). Ulama seperti Teungku Chik di Tiro memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat Aceh melalui seruan agama. Institusi seperti masjid dan madrasah bukan sahaja menjadi pusat keagamaan tetapi juga berfungsi sebagai markas strategi perlawanan. Masjid menjadi tempat penyebaran semangat jihad, manakala madrasah mendidik generasi muda tentang pentingnya mempertahankan Darul Islam, iaitu konsep negara Islam yang berlandaskan syariat. Dalam suasana ini, jihad tidak hanya difahami sebagai kewajiban agama individu tetapi juga tanggungjawab kolektif untuk mempertahankan kedaulatan agama dan wilayah (Matheson & Hooker, 1988). Naratif agama juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan semangat perjuangan masyarakat Aceh. Hikayat Perang Sabil, sebuah teks yang mengandungi seruan jihad, menjadi inspirasi kepada masyarakat Aceh untuk terus berjuang walaupun menghadapi cabaran besar. Teks ini menggambarkan jihad sebagai perjuangan suci yang membawa ganjaran syurga kepada mereka yang gugur mempertahankan agama dan tanah air (Rahim et al., 2022). Naratif seperti ini memperkuat tekad masyarakat Aceh untuk tidak menyerah kepada penjajah, walaupun Belanda menggunakan taktik yang kejam seperti strategi bumi hangus untuk melemahkan ekonomi dan daya tahan masyarakat tempatan.

Perang ini tidak hanya menunjukkan keupayaan masyarakat Aceh untuk bertahan dalam menghadapi kekuatan penjajah tetapi juga menonjolkan keunikan mereka dalam menggabungkan nilai agama, budaya, dan strategi ketenteraan. Walaupun Belanda akhirnya berjaya menakluk Aceh pada awal abad ke-20, perjuangan ini meninggalkan kesan yang mendalam dalam sejarah Nusantara. Semangat jihad dan ketabahan masyarakat Aceh menjadi inspirasi kepada gerakan anti-penjajahan lain di Asia Tenggara, termasuk di Patani dan Mindanao. Oleh itu, Perang Aceh (1873-1904) memperlihatkan bagaimana ancaman penjajahan mendorong masyarakat Aceh untuk bangkit mempertahankan kedaulatan, agama, dan budaya mereka. Gabungan semangat jihad, kepimpinan ulama, dan strategi perang yang bijaksana menjadikan perjuangan Aceh sebagai simbol keteguhan dalam menghadapi penjajahan (Husin, 2016). Konflik ini bukan sahaja penting dalam konteks tempatan tetapi juga dalam sejarah perjuangan anti-penjajahan di rantau Nusantara.

6.2 Strategi Ketenteraan Perang Aceh

Strategi perang gerila merupakan elemen utama yang digunakan oleh pejuang Aceh dalam menghadapi tentera Belanda yang lebih besar dan lengkap dari segi teknologi serta kelengkapan persenjataan. Taktik perang ini memanfaatkan kelebihan geografi Aceh, yang terdiri daripada kawasan pergunungan, hutan belantara, dan laluan pedalaman yang sukar diakses oleh pihak Belanda. Pejuang Aceh dengan cekap menggunakan pengetahuan tempatan untuk bergerak dengan pantas melalui laluan sulit, menyerang secara mengejut, dan segera berundur sebelum musuh dapat bertindak balas. Keberkesanan strategi ini terletak pada fleksibiliti dan kebijaksanaan para pemimpin perang seperti Teuku Umar dan Cut Nyak Dhien, yang menyedari konfrontasi langsung dengan tentera Belanda yang lebih kuat secara teknologi membawa kepada kekalahan. Dengan itu, mereka melancarkan taktik serangan kecil-kecilan yang menjejaskan logistik Belanda, termasuk menyerang konvoi bekalan, merosakkan laluan komunikasi, dan memutuskan jaringan sokongan musuh. Strategi ini bukan sahaja menghalang kemaraan tentera Belanda tetapi juga memaksa mereka mengalihkan sumber yang besar untuk mengekang gerakan-gerakan kecil ini (Braithwaite 2010; Miller, 2012).

Di samping itu, jika dilihat dari sudut yang lebih luas, pejuang Aceh membina kubu-kubu pertahanan di kawasan strategik seperti pergunungan dan lembah yang sukar ditembusi. Kubu-kubu ini bukan sahaja menjadi tempat perlindungan tetapi juga pusat perancangan strategi. Benteng seperti Benteng Indrapuri, yang dibina dengan reka bentuk yang kukuh, membolehkan pejuang Aceh bertahan dalam jangka masa panjang dan menjadi simbol ketahanan rakyat Aceh. Strategi ini memberi cabaran besar kepada tentera Belanda yang terpaksa menghabiskan masa dan tenaga untuk menawan kubu-kubu tersebut (Reid, 1969). Pejuang Aceh juga bijak menggunakan sistem perisikan untuk mengumpulkan maklumat tentang pergerakan musuh. Rangkaian perisikan yang terdiri daripada penduduk tempatan membantu mereka mengetahui strategi dan kelemahan tentera Belanda. Menurut Azra (2004), informasi ini digunakan untuk melancarkan serangan yang terancang, memaksimumkan kesan serangan, dan meminimumkan korban di pihak mereka. Dalam hal ini, kerjasama antara pejuang dan masyarakat Aceh menjadi faktor penting dalam memastikan strategi ketenteraan dapat dijalankan dengan efektif.

Pada masa yang sama, pejuang Aceh juga menggunakan strategi psikologi untuk menanam rasa takut dalam kalangan tentera Belanda. Serangan mengejut yang dilancarkan pada waktu malam dan serangan kilat yang tidak dijangka sering menggoyahkan moral tentera Belanda. Pejuang Aceh turut menggunakan narasi agama, seperti konsep jihad dan syahid, untuk menyemarakkan semangat juang mereka. Tindakan ini bukan sahaja memotivasi pejuang tetapi juga memberi tekanan moral kepada pihak lawan yang melihat keazaman rakyat Aceh sebagai sesuatu yang sukar dipatahkan (Kloos, 2017). Pelbagai usaha yang digunakan Belanda untuk menundukkan antaranya adalah menggunakan strategi bumi hangus, iaitu dengan memusnahkan kampung-kampung, ladang-ladang, dan sumber makanan penduduk tempatan. Taktik ini bertujuan untuk melemahkan daya tahan masyarakat Aceh dengan mencetuskan krisis ekonomi dan kebuluran. Walau bagaimanapun, strategi ini gagal mencapai matlamat utama. Sebaliknya, tindakan agresif Belanda ini hanya

meningkatkan kebencian rakyat Aceh terhadap penjajah dan memperkuat semangat juang mereka (Ricklefs, 1993).

Keengganan rakyat Aceh untuk menyerah walaupun berhadapan dengan kejayaan dan kesulitan yang besar memaksa Belanda memperuntukkan sumber daya yang sangat besar untuk mengekalkan penguasaan di wilayah tersebut. Keteguhan dan daya tahan pejuang Aceh, yang terus menggunakan taktik perang gerila dan pertahanan kubu, menyebabkan Belanda terjebak dalam konflik yang memakan masa lebih dari tiga dekad. Menurut garapan Aspinall (2009), kos perang yang tinggi dan tekanan moral dalam kalangan tentera Belanda turut melemahkan usaha mereka untuk menguasai Aceh secara. Pejuang Aceh juga tidak hanya bergantung pada kekuatan ketenteraan tetapi turut menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa luar seperti Kesultanan Uthmaniyyah dan negara-negara jiran di Selat Melaka. Hubungan ini bukan sahaja memberikan sokongan moral tetapi juga membantu Aceh dalam mendapatkan bekalan senjata dan keperluan lain yang diperlukan untuk meneruskan perjuangan. Walaupun bantuan luar tidak sepenuhnya mencukupi untuk menandingi kekuatan Belanda, ia tetap memberikan harapan kepada rakyat Aceh untuk terus melawan penjajahan (Andaya, 1993; Alfian, 1987).

Sebagai rumusan, Strategi ketenteraan pejuang Aceh yang meliputi perang gerila, penggunaan kubu pertahanan, perisikan, dan strategi psikologi berjaya memberi tentangan sengit kepada Belanda, meskipun dengan kekurangan sumber dan teknologi. Keteguhan mereka dalam mempertahankan tanah air, agama, dan maruah bangsa membuktikan semangat dan kebijaksanaan strategi mampu menjadi pengimbang kepada kekuatan teknologi penjajah. Walaupun akhirnya Aceh ditawan, perjuangan mereka terus dikenang sebagai lambang keberanian dan ketahanan dalam sejarah perjuangan menentang penjajahan.

6.3 Agama Islam dan Peranan Ulama Aceh

Pengaruh agama Islam dalam Perang Aceh memainkan peranan penting sebagai penyatu dalam perjuangan jihad umat Islam Aceh. Jihad ini bukan hanya merupakan perjuangan untuk mempertahankan agama, tanah air, dan identiti, tetapi juga mencerminkan semangat kolektif masyarakat Aceh dalam menentang penjajahan Belanda. Azra (2004) menyatakan ulama menjadi pemimpin rohani dan sosial yang mempengaruhi masyarakat melalui seruan agama untuk mempertahankan tanah air. Teungku Chik di Tiro, misalnya, memainkan peranan besar dalam membangkitkan semangat jihad dengan menjadikan agama Islam sebagai asas perjuangan. Ulama turut berperanan untuk menyatukan masyarakat di bawah panji agama, menjadikan gerakan penentangan lebih teratur dan menyeluruh. Matheson dan Hooker (1988) juga menekankan peranan ulama sangat signifikan dalam memperkuat kesatuan pelbagai golongan masyarakat untuk menentang penjajahan, dengan tokoh-tokoh seperti Teungku Chik Pante Kulu, Syekh Muhammad, dan Teungku Chik di Lam Krak menjadi contoh nyata dalam hal ini.

Oleh yang demikian, institusi keagamaan seperti pesantren memainkan peranan penting sebagai pusat pendidikan agama yang turut menyemai nilai perjuangan dan menyatukan masyarakat Aceh yang berbilang latar belakang (Kaharuddin et al., 2024). Dalam konteks ini, Islam menjadi elemen penyatu yang menggerakkan komuniti pesantren Gedangan untuk melawan penjajahan Belanda,

seperti yang digambarkan dalam Pejuang-pejuang Kali Pepe (PpKP). Pemimpin-pemimpin seperti Kiyahi Mukmin menghidupkan semangat jihad dan syahid, menjadikan perjuangan lebih tersusun dan menyeluruh. Masjid dan madrasah juga menjadi institusi yang penting dalam memperkuat semangat perjuangan. Masjid digunakan sebagai tempat perancangan strategi dan penyebaran semangat jihad, sementara madrasah berfungsi untuk mendidik generasi muda mengenai kewajiban berjihad. Tokoh-tokoh seperti Teuku Umar dan Cut Nyak Dhien mengukuhkan peranan masjid sebagai pusat penggerak perjuangan, di samping menyatukan masyarakat Aceh.

Kupasan Andaya (1993) dan Siegel (1969), budaya dan adat tempatan Aceh telah berintegrasi dengan ajaran Islam, membentuk asas perlawanan yang kukuh. Agama memberikan justifikasi moral dan spiritual untuk jihad, yang dipandang sebagai satu bentuk ibadah dengan ganjaran rohani. Dalam hal ini, Nasihah Muslimin dan Hikayat Perang Sabil (Rahim et al., 2022) turut menjelaskan peranan agama dalam memberikan motivasi kepada masyarakat Aceh untuk meneruskan perjuangan mereka. Dimensi sosial, politik, dan budaya turut memainkan peranan penting dalam perjuangan jihad ini, dengan masyarakat Aceh yang terdiri daripada pelbagai lapisan, dari golongan ulama hingga rakyat biasa, turut terlibat. Dari segi politik, jihad dilihat sebagai usaha untuk mempertahankan kedaulatan politik Aceh sebagai Darul Islam, sementara dari segi budaya, konsep Darul Islam dan Perang Sabil memperkuat identiti Aceh sebagai wilayah Islam yang tegas menentang penjajahan. Gabungan antara aspek sosial, politik, dan budaya ini menjadikan jihad dalam Perang Aceh lebih daripada sekadar perjuangan agama, tetapi juga sebagai usaha untuk mempertahankan nilai-nilai kebudayaan dan kedaulatan politik Aceh.

6.4 Implikasi Perang Aceh Terhadap Gerakan Islam Di Indonesia

Perang Aceh memberikan impak besar terhadap gerakan Islam di Indonesia, khususnya dalam membangkitkan semangat jihad sebagai kewajiban agama dan simbol perlawanan terhadap penjajahan. Jihad yang dilaksanakan oleh masyarakat Aceh menjadi inspirasi bagi wilayah lain seperti Jawa, Sulawesi, dan Sumatera Barat, di mana gerakan penentangan turut menggunakan narasi keagamaan sebagai alat penyatuan sosial dan mobilisasi rakyat (Azra, 2004). Ulama Aceh, seperti Teungku Chik di Tiro, memanfaatkan institusi agama seperti masjid dan madrasah untuk menyemarakkan semangat jihad, menjadikan agama sebagai asas perjuangan melawan penjajahan (Kloos, 2017). Konsep jihad ini menekankan mempertahankan agama dan tanah air bukan hanya tanggungjawab individu tetapi juga kewajiban kolektif umat Islam. Selain itu, kesusasteraan Islam seperti Hikayat Perang Sabil memainkan peranan penting dalam menyemarakkan semangat perjuangan di Indonesia. Teks-teks ini menggambarkan jihad sebagai perjuangan suci yang dijanjikan ganjaran syurgawi, dengan memberikan naratif pengorbanan dalam mempertahankan Islam akan mendapat balasan tertinggi di akhirat (Rahim et al., 2022). Naratif seperti ini turut mempengaruhi gerakan anti-penjajahan di wilayah lain, termasuk perlawanan di Patani dan Mindanao, yang turut menjadikan jihad sebagai teras perjuangan mereka.

Pengaruh Perang Aceh turut dapat dilihat melalui perkembangan gerakan Islam pasca-perang, termasuk kewujudan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang

berakar daripada semangat Islamisme dan kemudian berkembang ke arah nasionalisme wilayah (Nirzalin et al., 2023). Walaupun wacana perjuangannya mengalami perubahan ideologi, warisan perjuangan Islam Aceh tetap menjadi teras yang membentuk identiti politik tempatan. Di samping itu, strategi ketenteraan yang dilaksanakan oleh pejuang Aceh, termasuk penggunaan taktik perang gerila dan pemanfaatan geografi tempatan, menjadi contoh penting yang diteladani oleh gerakan penentangan lain di Indonesia (Miller, 2012). Perjanjian damai Helsinki pasca tsunami 2004 pula membuka jalan kepada pelaksanaan autonomi dan hukum syariah secara rasmi, menjadikan Aceh sebagai satu-satunya wilayah di Indonesia yang menginstitusikan undang-undang Islam dalam struktur pentadbiran negeri. Maka, Perang Aceh bukan sekadar menjadi simbol perlawanan bersenjata, tetapi juga mencorakkan arah tuju gerakan Islam di Indonesia dalam kerangka politik, keagamaan dan sosial yang lebih luas, sekaligus menyumbang kepada pembentukan identiti keislaman yang tersendiri dalam sejarah perjuangan kemerdekaan negara.



Rajah 1: Carta Strategi-Strategi Perang Aceh (1873-1904)



Rajah 2: Strategi Perang Semesta Dalam Perang Aceh (1873-1904)

7.0 KESIMPULAN

Perang Aceh (1873-1904) adalah simbol perjuangan gigih masyarakat Aceh dalam mempertahankan kedaulatan dan identiti Islam daripada ancaman penjajahan Belanda. Konflik ini menonjolkan bagaimana jihad menjadi elemen asas yang menggerakkan masyarakat dalam mempertahankan Darul Islam, dengan ulama memainkan peranan kritikal sebagai pemimpin rohani dan sosial. Institusi seperti masjid dan madrasah bukan sahaja menjadi pusat ibadah, tetapi juga pangkalan strategik bagi merancang perlawanan menurut sarjana Nurbuana (2024). Dalam konteks ini, jihad tidak hanya difahami sebagai kewajiban agama individu, tetapi juga tanggungjawab kolektif yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat.

Mengenai aspek ketenteraan, strategi perang gerila yang digunakan oleh masyarakat Aceh menunjukkan keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan memanfaatkan kelebihan geografi tempatan. Taktik seperti serangan mengejut, penggunaan benteng dan perlindungan di kawasan pedalaman telah memberikan tekanan besar kepada tentera Belanda, meskipun mereka memiliki kelebihan teknologi yang jauh lebih maju (Miller, 2018). Walau bagaimanapun, Belanda akhirnya berjaya menakluk Aceh secara fizikal, semangat perjuangan yang dibina sepanjang konflik ini tidak pernah luntur. Sebaliknya, semangat jihad yang diwarisi telah mencetuskan inspirasi kepada gerakan anti-penjajahan di Nusantara, termasuk di Patani dan Mindanao, selain menjadi pemangkin kepada kebangkitan nasionalisme yang lebih meluas.

Makalah ini membuktikan Perang Aceh melangkaui sifatnya sebagai konflik tempatan dan menjadi contoh bagaimana nilai agama dan tradisi boleh menjadi alat perpaduan yang kuat dalam melawan kuasa penjajah. Implikasi sosial dan politik konflik ini memperlihatkan kekuatan keagamaan dan solidariti masyarakat mampu menyaingi kelebihan teknologi penjajah. Perjuangan Aceh menjadi model yang relevan hingga ke hari ini, khususnya dalam menghadapi isu-isu penindasan dan penjajahan. Sebagai cadangan, kajian masa depan boleh meneliti pengaruh konflik ini terhadap pembentukan identiti masyarakat Aceh moden dan bagaimana legasi jihad tersebut terus hidup dalam budaya serta politik mereka.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan 'Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam' menerusi Geran Universiti Penyelidikan GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Insentif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Baharudin, Z., Mat Resad, I. S. dan Jamsari, E. A., Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Alfian, T. I. (1987). *Perang di Jalan Allah: Perang Aceh 1873-1912*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Andaya, L. Y. (1993). *The World of Maluku: Eastern Indonesia in the Early Modern Period*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Anwar, R. (2004). *Sejarah Kecil "Petite Histoire" Indonesia*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Aspinall, E. (2009). *Islam and Nation: Separatist Rebellion in Aceh, Indonesia*. Stanford: Stanford University Press.
- Azra, A. (2004). *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern Ulama in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Braithwaite, J., Braithwaite, V., Cookson, M. & Dunn, L. (2010). *Anomie and Violence: Non-truth and Reconciliation in Indonesian Peacebuilding*. Canberra: Australian National University Press.
- Dijk, K. V. (2002). *A Country in Despair: Indonesia Between 1997 and 2000*. Leiden: KITLV Press.
- Dobbin, C. (1983). *Islamic Revivalism in a Changing Peasant Economy: Central Sumatra, 1784-1847*. London: Curzon Press.
- Fakhriati. (2015). Refleksi Konflik antara Ulama dan Umara pada abad ke-19M: Telaah atas Naskah Sirajuddin. *Jurnal Masyarakat & Budaya*, 17(1), 37-50.
- Husin, A. (2016). Conflict and nonviolence: Ulama in the Aceh peace process. Dalam Satha-Anand, C. & Urbain, O. (Pnyt.), *The Promise of Reconciliation? Examining Violent and Nonviolent Effects on Asian Conflicts*, hlm. 43-72. London: Routledge.
- Kaharuddin, K., Umar, M. N. & Masbur, M. (2024). Pengaruh orang tua terhadap pendidikan Dayah di Kabupaten Aceh Singkil. *ARJIS*, 2(2), 145-157.
- Kahin, G. M. (1952). *Nationalism and Revolution in Indonesia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Kamaruzzaman, K. (2016). Relasi Islam dan politik dalam sejarah politik Aceh abad 16-17. *Al-Tahrir*, 16(2), 267-292.
- Kloos, D. (2018). *Becoming Better Muslims: Religious Authority and Ethical Improvement in Aceh, Indonesia*. Princeton: Princeton University Press.
- Kreemer, J. (1922). *Atjeh: Algemeen Summarizing Overzicht van Land en Volk van Atjeh en Onderhoorigheden*. Leiden: Brill.
- Kreike, E. (2012). Genocide in the Kampongs? Dutch nineteenth century colonial warfare in Aceh, Sumatra. *Journal of Genocide Research*, 14(3-4), 297-315.
- Kurnia, R. R., Saputro, G. E. & Prakoso, L. Y. (2023). War strategy of Acehnese and dutch in the Aceh war 1873-1912. *Juspi: Jurnal Sejarah Peradaban Islam*, 7(1), 1-8.

- Laffan, M. (2003). *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia: The Umma Below the Winds*. London: Routledge.
- Matheson, V. & Hooker, M. B. (1988). Jawi Literature in Patani: The maintenance of an Islamic tradition. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 61(1), 1-86.
- Miller, M. A. (2012). *Autonomy and Armed Separatism in South and Southeast Asia*. Singapore: ISEAS.
- Miswari, M. (2024). Transformasi pendidikan agama Islam di Aceh dari periode klasik hingga modern. *Edumulya*, 2(1), 48-71.
- Nabila, A. S. (2021). Perlawanan golongan Islam terhadap kolonialisme Belanda: Kajian poskolonialisme novel Pejuang-pejuang Kali Pepe karya Djamil Suherman. *Jurnal Kajian Islam Interdisipliner*, 6(1), 71-95.
- Nirzalin, N., Bachri, N., Fakhurrizi, F., Yunanda, R. D., Ilham, I. & Muchlis, M. (2023). Strengthening reintegration through social capital: Learning from Aceh, Indonesia. *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 27(2), 141-156.
- Nurbuana, N., Idi, A. & Wahyudi, A. (2024). The existence of Madrasahs in social mobility. *The Future of Education Journal*, 3(5), 1533-1542.
- Purnamasari, I., Rambe, T., Purba, J. E. B., Adinda, D. & Waldano, M. (2024). Perang Aceh perlawanan terhadap kolonisasi Belanda Aceh war resistance against the colonialization of the Netherlands. *Public Service and Governance Journal*, 5(2), 152-161.
- Rahimi & Hamdi, S. (2023). Peran ulama dayah Aceh melalui pendidikan agama Islam dalam membentengi masyarakat terhadap paham radikalisme. *Bidayah: Studi Ilmu-ilmu Keislaman*, 14(1), 31-47.
- Rahim, R. A. A., Marinsah, S. A. & Jalal, A. F. A. (2022). Konsep jihad ulama Melayu-Islam dalam kitab Jawi terpilih: Satu analisis. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 33(1), 27-51.
- Reid, A. (1969). *The Contest for North Sumatra: Aceh, the Netherlands, and Britain 1858-1898*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ricklefs, M. C. (1993). *A History of Modern Indonesia Since c.1300*. Stanford: Stanford University Press.
- Saribunga, S. & Hasaruddin, H. (2024). Perlawanan umat Islam terhadap penjajahan di Indonesia. *Hikmah: Jurnal Studi Pendidikan Agama Islam*, 1(3), 33-44.
- Setiawan, A. & Hanfiah, S. (2021). Peranan ulama dalam perang Aceh tahun 1873-1912. *Jurnal Sejarah Nusantara*, 12(1), 1-15.
- Siegel, J. T. (1969). *The Rope of God*. Berkeley: University of California Press.
- Tiro, H. di. (1984). *The Price of Freedom: The Unfinished Diary of Tengku Hasan di Tiro*. New York: Downey.
- Yusuf, M. A., Caisarina, I. & Nadia, S. (2024). Pengembangan wilayah Aceh besar melalui sektor unggulan: Persepsi Stakeholder. *Rumoh: Jurnal Ilmiah Prodi Arsitektur Universitas Muhammadiyah Aceh*, 11(2), 55-62.